

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)66

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

66. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memupuk aktiviti pelancongan dan ekonomi kreatif di Seberang Perai?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

66. Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism (PGT) giat mempromosikan Seberang Perai sebagai destinasi unik, menonjolkan daya tarikannya selain daripada tarikan utama Pulau Pinang di bahagian pulau. Untuk meningkatkan kesedaran dan menarik lebih ramai pelawat, Kerajaan Negeri melancarkan inisiatif seperti Seberang Perai Tourism Promo Video, *The Opposite Side of the Island*, yang mempamerkan pelbagai aktiviti dan tempat-tempat indah di Seberang Perai. Kempen ini bertujuan untuk mengimbangi pelancongan antara pulau dan Seberang Perai dengan menekankan Seberang Perai sebagai permata yang belum diteroka.

Bandar Batu Kawan, merupakan sebuah kawasan yang sedang

pesat berkembang dengan tarikan seperti pemasangan *Penang International Container Art Festival* di *Design Village Outlet Mall*. Projek kreatif ini menyediakan pengalaman *Instagrammable*, menambah nilai seni dan menarik pelancong muda ke kawasan itu. Selain itu, PGT juga mempromosikan tarikan Seberang Perai melalui media sosial dan laman web.

Usaha yang disasarkan ini bertujuan untuk meletakkan Seberang Perai sebagai destinasi yang saling melengkapi dengan menawarkan pelbagai pengalaman budaya dan rekreasi yang menarik.

Tahun ini, *Penang Bridge International Marathon* (PBIM) akan diadakan di Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan larian akan pertama kali dalam sejarah PBIM akan bermula di Batu Kawan, Seberang Perai. *Penang International Food Festival* telah berlangsung di Batu Kawan, Seberang Perai.

Sementara itu, Pertandingan Tarian Singa atas Tiang Antarabangsa anjuran Kerajaan Negeri turut diadakan setiap tahun di Kepala Batas. Perarakan Chingay anjuran Kerajaan Negeri juga merupakan acara tahunan di Butterworth.

Kerajaan Negeri turut menyokong aktiviti seperti Pesta Sungai di Penanti serta Festival Bukit Mertajam di Bukit Mertajam.

Selain itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai turut merancang pelbagai langkah dalam memupuk aktiviti pelancongan dan ekonomi kreatif di Seberang Perai. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- (i) Penyediaan Kajian Inventori Produk dan Pelan Tindakan Pelancongan Seberang Perai yang telah dilaksanakan bermula Oktober 2024 sehingga Disember 2025 yang mana objektif kajian adalah untuk menyediakan satu Pelan Tindakan Inventori Produk Pelancongan di Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan;
- (ii) Pemeraksanaan projek konservasi bagi aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan warisan ketara seperti berikut:
 - 1) Batu bersurat di Cherok Tok Kun, Seberang Perai Tengah (SPT);
 - 2) Kerja-kerja baik pulih Rumah Tuan Guru Sheikh Haji Osman Jalaluddin, SPT;

- 3) Kerja-kerja membaik pulih Surau Tuan Guru Haji Mamud Taib, Kubang Semang, SPT;
 - 4) Kerja-kerja baik pulih Telaga Emas, Pulau Aman, Seberang Perai Selatan (SPS); dan
 - 5) Kerja-kerja baik pulih Batu Sempadan British-Siam di Pinang Tunggal, Seberang Perai Utara (SPU).
- (iii) Projek-projek pengindahan seperti *Butterworth Art Walk*, kerja-kerja naik taraf Taman Pantai, Laman Komuniti di Lebuhrampai Kampung Benggali, pengindahan lorong sisi dan Lorong belakang di SPS yang menjadi daya tarikan pelancong ke Seberang Perai;
- (iv) Mewujudkan *Fun Mapping* bagi *tourism and heritage product* sebagai mekanisme ilustrasi penceritaan lokasi tarikan pelancongan di Seberang Perai; dan
- (v) Penganjuran program-program berbentuk gastronomi, kesenian, kebudayaan dan warisan di Seberang Perai seperti *Butterworth Fringe Festival*, *Nibong Tebal Festival*, Sambutan

Hari Sungai Sedunia, *World Wetlands Day Celebration*,
Walkabout Makanan Tradisional, Hari Warisan Seberang
Perai dan lain-lain program komuniti.